# JABATAN PELAJARAN JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009** **1249/1**
**SEJARAH**
**Kertas 1**
**September**
**2009**
1 jam **Satu Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan*
2. *Jawab* **semua** *soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan* **satu** *ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak



**1249/1** *© 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor*

1 Pernyataan berikut merujuk kepada undang-undang tamadun awal dunia.

| |
|---|
| Sekiranya seseorang bangsawan mencederakan mata seseorang rakyat biasa atau mematahkan tulangnya, maka, bangsawan ini didenda satu wang perak. |

Pernyataan di atas merujuk kepada

A Undang-undang Hammurabi

B Undang-undang Justinian

C Hukum Kanun 12

D Tiang Asoka

2 Penyembahan masyarakat Indus terhadap Tuhan Ibu melambangkan

A kemakmuran

B kebahagiaan

C kesuburan

D kesucian

3 Maharaja Shih Huang Ti telah mengarahkan pembinaan Tembok Besar China bagi

A mengelakkan penguasaan gabenor dan panglima

B mengelakkan penguasaan golongan bangsawan

C mempertahankan perluasan kuasa Chandragupta Maurya

D mempertahankan daripada serangan orang gasar

4 Menurut ajaran Confucius untuk mencapai ketinggian moral, seseorang itu haruslah

A dikawal undang-undang yang tegas

B disediakan kemudahan

C diberi pendidikan

D diberi nasihat

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

5 Pernyataan berikut berkaitan dengan amalan dalam sistem pentadbiran kerajaan Srivijaya.

| |
|---|
| Dalam upacara angkat sumpah, datu akan meminum air yang disiram pada batu bersurat di sebuah tempat suci bernama Telaga Batu. |

Apakah tujuan datu mengikuti upacara angkat sumpah tersebut?

A Memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja

B Membezakan kedudukan datu dengan rakyat biasa

C Mendapat pengiktirafan untuk memerintah daerah

D Menguruskan kesejahteraan rakyat jelata

6 Bahagian tingkat paling atas Candi Borobudur dianggap sebagai tahap tertinggi kerana pada tahap ini manusia

A mengamalkan cara hidup yang benar

B membuat pertimbangan yang betul

C membebaskan dirinya daripada nafsu

D memberi tumpuan yang benar

7 Pernyataan berikut berkaitan dengan peristiwa penyebaran Islam di Makkah.

| |
|---|
| al-Arqam bin Abu Arqam telah menjadikan rumahnya sebagai pusat kegiatan dakwah Islamiah yang pertama di Makkah. |

Apakah kesan pusat kegiatan dakwah tersebut terhadap penyebaran Islam?

A Islam tersebar secara rahsia

B Islam tersebar secara terbuka

C Islam tersebar dengan meluas

D Islam tersebar dengan aman

[Lihat sebelah



1249/1 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

8 Pernyataan berikut merujuk kepada peristiwa penentangan terhadap Islam.

| |
|---|
| Orang Arab Quraisy telah melakukan pemulauan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga baginda. |

Apakah bentuk pemulauan yang dilakukan oleh orang Arab Quraisy?

I Tidak menjalankan aktiviti jual beli dengan keluarga nabi

II Tidak memberi sebarang bentuk pertolongan

III Tidak menawarkan kedudukan kepada nabi

IV Tidak menerima konsep persaudaraan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9 Antara yang berikut, yang manakah aspek penting kandungan Piagam Madinah?

A Tidak akan melakukan amalan jahiliah

B Bersetuju mengadakan gencatan senjata

C Mengukuhkan taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w.

D Unsur penipuan dan riba dihapuskan dalam sistem perniagaan

10 Pernyataan berikut merujuk peristiwa peperangan yang berlaku dalam sejarah perjuangan mempertahankan Islam.

- Perang Badar
- Perang Uhud
- Perang Khandak

Apakah rumusan daripada peristiwa peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. ?

A Islam mementingkan sifat toleransi

B Islam mementingkan perdamaian

C Islam mementingkan nilai murni

D Islam mementingkan maruah

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

11 Mengapakah Khalifah Abu Bakar diberi gelaran *al-Siddiq*?

A Sentiasa berjuang bersama nabi

B Sentiasa meyakini kebenaran kata-kata nabi

C Sentiasa bersifat ikhlas dan setia kepada nabi

D Sentiasa menyanjung amalan dan perbuatan nabi

12 Jadual 1 berikut berkaitan dengan sumbangan tokoh sewaktu kerajaan Abbasiyah

| Tokoh | Sumbangan |
|---|---|
| Abu Hanifa | Penyusunan fekah dan pendapat ijtihad |
| Imam Malik | Penyusunan Buku *al-Muwatta* |

Jadual 1

Sumbangan tokoh di atas menunjukkan

A penglibatan golongan penulis dalam pekerjaan

B penglibatan golongan ulama dalam penulisan

C penglibatan golongan penulis dalam ilmu fekah

D penglibatan golongan ulama dalam perundangan

13 Mengapakah pengislaman raja dan golongan bangsawan penting dalam proses penyebaran agama Islam di Asia Tenggara?

A Rakyat dikongkong oleh konsep dewaraja

B Sumber ekonomi dikuasai oleh golongan pemerintah

C Kuasa mutlak yang dimiliki oleh golongan pemerintah

D Masyarakat Asia Tenggara amat mentaati golongan pemerintah

[Lihat sebelah

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

14 Apakah hasil perbendaharaan negara yang diterima oleh baitulmal pada zaman pemerintahan Sultan Muda Mahkota Alam di Acheh?

A Cukai

B Derma

C Hadiah

D Sedekah

15 Antara yang berikut, yang manakah prinsip Adat Perpatih?

A Mengutamakan jurai keturunan ibu

B Pemerintahan bercorak autokrasi

C Harta menjadi milik bersama

D Takhta berasaskan warisan

16 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk kesenian yang di bawa oleh Tamadun Islam.

- Thuluth
- Diwani
- Kufi
- Jali

Bentuk kesenian di atas merujuk kepada

A seni epigrafi

B seni muzik

C seni bina

D seni khat

17 Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep Renaissance.

Renaissance berasal daripada perkataan *reniscinent.*

Apakah maksud *reniscinent* ?

A Kelahiran semula

B Meneroka ilmu

C Keupayaan berfikir

D Menzahirkan emosi

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

18 Pernyataan berikut berkaitan dengan akta yang diperkenalkan pada zaman Revolusi Perindustrian.

| |
|---|
| Akta Antipenggabungan |

Apakah tujuan pengenalan Akta tersebut?

A Menyekat pengambilan buruh kanak-kanak

B Mengehadkan masa bekerja

C Melarang pekerja bermuafakat

D Membolehkan majikan mendapat keuntungan

19 Apakah cara-cara kemasukan buruh China ke Tanah Melayu?

I Sistem pengambilan rumah kongsi

II Sistem buruh bebas

III Sistem kontrak

IV Sistem pengambilan kakitangan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

20 Apakah kesan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu pada zaman penjajah?

A Peningkatan golongan intelektual

B Penghapusan buta huruf di Tanah Melayu

C Kesukaran mewujudkan perpaduan bangsa

D Peningkatan pegawai tadbir dalam kalangan penduduk tempatan

[Lihat sebelah

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

21 Jadual 2 merujuk kepada dasar imperialisme Barat.

| Perubahan di Eropah | |
|---|---|
| Revolusi Perindustrian | Pencapaian Barat dalam bidang Sains dan Teknologi |

Jadual 2

Bagaimanakah perubahan tersebut menggalakkan kuasa Barat menjalankan imperialisme di Timur?

A Meningkatkan peluang mereka untuk menjajah

B Meningkatkan keyakinan mereka untuk menjajah

C Meningkatkan kemahiran mereka untuk menjajah

D Meningkatkan kuasa ekonomi mereka untuk menjajah

22 Jadual 3 merujuk kepada pertubuhan yang terlibat dalam nasionalisme di Filipina.

| Nasionalisme di Filipina | |
|---|---|
| Pertubuhan | Katipunan |
| Pengasas | Andres Bonifacio |

Jadual 3

Mengapakah Katipunan ditubuhkan?

I Menyatukan bangsa Filipina

II Mencapai kemerdekaan melalui revolusi

III Mendesak Sepanyol melakukan pembaharuan

IV Menuntut hak yang sama seperti bangsa Sepanyol

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

23 Jadual 4 merujuk kepada peristiwa penentangan orang Melayu terhadap British.

| **Penentangan Haji Abdul Rahman Limbong** | |
|---|---|
| Tahun | Mei 1928 |
| Tempat | Kuala Berang |
| Peristiwa | Menyerang dan menduduki Kuala Berang |

Jadual 4

Mengapakah British menggunakan nama dan kuasa sultan untuk menawan semula daerah tersebut?

A Rakyat Melayu tidak mahu pemerintahan sultan berakhir

B Rakyat Melayu tidak mahu bermusuhan sesama mereka

C Rakyat Melayu tidak akan menderhaka kepada sultan

D Rakyat Melayu tidak akan menyokong orang British

24 Rajah 1 merujuk kepada akhbar yang diterbitkan semasa perkembangan Nasionalisme di Tanah Melayu.




Rajah 1

Apakah peranan akhbar-akhbar tersebut dalam membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu?

I Mengkritik British yang mengurangkan kuasa raja

II Menyeru orang Melayu supaya bersatu

III Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu

IV Menilai kesan penjajahan terhadap ekonomi, pendidikan dan politik Melayu

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

[Lihat sebelah

 © 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

25 Bagaimanakah sempadan kerajaan dan wilayah yang diperintah oleh raja ditentukan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

A Menerusi kesetiaan rakyat

B Mengikut arahan pembesar

C Menerusi ketaatan tentera

D Mengikut kehendak raja

26 Rajah 2 menerangkan sistem pemerintahan di Kelantan.

Sultan Muhammad II (1836-1886)

↓

**Sistem Jemaah Menteri**

Rajah 2

Penubuhan Jemaah Menteri oleh Sultan Muhammad II menunjukkan

A Kelantan mempelopori sistem pemerintahan demokrasi

B Kelantan sudah mempunyai pentadbiran yang mantap

C sultan menunjukkan kewibawaan pemerintahan

D sultan menitikberatkan perubahan pentadbiran

27 Maklumat berikut merupakan cara British mendapatkan tandatangan daripada raja-raja Melayu.

> Sir Harold MacMichael telah mengugut Raja-Raja Melayu jika tidak menyokong Malayan Union.

Apakah ugutan tersebut?

A Diberikan pencen

B Diturunkan takhta

C Dibuang negeri

D Dipenjarakan

28 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah mendapat tentangan rakyat. Kemuncak penentangan tersebut ialah

A penangkapan Rosli Dhobi

B peletakan jawatan Vyner Brooke

C pembunuhan Sir Duncan Stewart

D peletakan jawatan kakitangan awam

29 Antara yang berikut, yang manakah manifesto Parti Perikatan dalam Pilihanraya 1955?

A Syarat kerakyatan diperketatkan

B Singapura disatukan dengan Tanah Melayu

C Mengekalkan kedudukan istimewa orang Melayu

D Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan

30 Rajah 3 menunjukkan tolak ansur antara kaum.

Pengiktirafan Orang Bukan Melayu

⇩

- Kedudukan istimewa orang Melayu
- Agama Islam sebagai agama rasmi
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Rajah 3

Apakah perkara yang diterima oleh orang Melayu sebagai tolak ansur kepada orang bukan Melayu?

A Kebebasan beragama

B Kerakyatan jus soli

C Kebebasan bersuara

D Pemilikan tanah

[Lihat sebelah



1249/1 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

31 Apakah tujuan Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan?

A Melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu

B Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang penubuhan Malaysia

C Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

D Memastikan kepentingan British di Tanah Melayu terus terkawal

32 Maklumat berikut merujuk kepada Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Britain.

| |
|---|
| Akta Malaysia memperuntukkan Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan. |

Apakah yang dapat anda rumuskan daripada peruntukkan di atas?

A Keutamaan agama Islam

B Kepentingan kehidupan beragama

C Keperluan agama dalam kehidupan

D Pengamalan prinsip kebebasan beragama

33 Apakah yang dimaksudkan dengan sistem majoriti mudah dalam amalan pilihan raya di Malaysia?

A Parti dipilih berdasarkan pilihan rakyat

B Calon dipilih berdasarkan pilihan rakyat

C Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang

D Parti yang mendapat undi terbanyak dikira menang

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

34 Lagu Kebangsaan berikut telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

NEGARAKU

*Negaraku,*
*Tanah tumpahnya darahku,*
*Rakyat hidup bersatu dan maju,*
*Rahmat bahagia,*
*Tuhan kurniakan,*
*Raja kita selamat bertakhta.*
*Rahmat bahagia,*
*Tuhan kurniakan,*
*Raja kita selamat bertakhta.*

Apakah yang dapat digambarkan daripada lirik lagu di atas?

A Perasaan cinta terhadap bangsa

B Membangkitkan semangat nasionalisme

C Kesetiaan rakyat kepada tanah air

D Menuntut kita sentiasa bersyukur

35 Apakah matlamat utama Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)?

A Memajukan sektor kraf tangan desa

B Memajukan pendidikan orang Melayu

C Membangunkan ekonomi orang Melayu

D Membangunkan masyarakat luar bandar

[Lihat sebelah

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

36 Jadual 5 merujuk kepada jabatan kerajaan yang telah melaksanakan pembangunan ekonomi.

| Jabatan | Tujuan |
|---|---|
| • KEMUBU<br>• BESUT<br>• JOHOR BARAT | Memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah |

Jadual 5

Program di atas merujuk kepada

A program in-situ

B program pembangunan wilayah

C program pembangunan pertanian

D program pembangunan luar bandar

37 Apakah cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Barnes?

A Sekolah vernakular Cina dikekalkan

B Sekolah umum dan jenis umum diperkenalkan

C Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaaan

D Sekolah kebangsaan menggantikan sekolah vernakular

38 Apakah peristiwa yang membawa kepada tamatnya pemerintahan beraja dan terbentuknya negara baru di Eropah?

A Perang Dunia Pertama

B Perang Dunia Kedua

C Perang Dingin

D Perang Salib

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

39 Mengapakah Malaysia menjalin hubungan rapat dengan Amerika Syarikat dan Britain sejurus selepas kemerdekaan?

A Meningkatkan teknologi pertanian

B Memerlukan pasaran

C Memperoleh bahan mentah

D Mendapatkan bantuan ketenteraan

40 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan Malaysia.

| |
|---|
| Memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum dapat meningkatkan daya saing. |

Apakah institusi yang berusaha untuk mencapai hasrat murni tersebut?

A Sekolah Bestari

B Sekolah Wawasan

C Sekolah Vokasional

D Sekolah Berasrama Penuh

**KERTAS SOALAN TAMAT**

 @ 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 1249/1
## SEJARAH
**Kertas 1**
**September**
**2009**

## SEJARAH

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 1 halaman bercetak

[Lihat sebelah

## SEJARAH

PERATURAN PEMARKAHAN

| NO | JAWAPAN | MS | NO | JAWAPAN | MS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | 14 | 21 | B | 7 |
| 2 | C | 26 | 22 | A | 19 |
| 3 | D | 50 | 23 | C | 43 |
| 4 | C | 67 | 24 | A | 51 |
| 5 | A | 87 | 25 | A | 65 |
| 6 | C | 90 | 26 | B | 82 |
| 7 | C | 109 | 27 | B | 98 |
| 8 | A | 112 | 28 | C | 111 |
| 9 | D | 126 | 29 | D | 122 |
| 10 | D | 130 | 30 | B | 126 |
| 11 | B | 144 | 31 | B | 150 |
| 12 | B | 157 | 32 | D | 155 |
| 13 | D | 180 | 33 | C | 177 |
| 14 | D | 191 | 34 | C | 191 |
| 15 | A | 198 | 35 | D | 198 |
| 16 | D | 206 | 36 | A | 206 |
| 17 | A | 217 | 37 | D | 212 |
| 18 | C | 236 | 38 | A | 231 |
| 19 | B | 253 | 39 | B | 238 |
| 20 | C | 265 | 40 | B | 263 |

**RUMUSAN JAWAPAN**

A=10 B=10 C=10 D=10

SULIT

NO.KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

## JABATAN PELAJARAN JOHOR

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 1249/2
## SEJARAH
**Kertas 2**
**September**

2 ½ jam

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B.**
4. *Tulis jawapan bagi* **Bahagian A** *dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Tulis jawapan bagi* **Bahagian B** *pada* **Buku Jawapan** *yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan* **Kertas Helaian Tambahan** *jika helaian dalam* **Buku Jawapan** *tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 10 | |
| | 2 | 10 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 10 | |
| B | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| | 8 | 20 | |
| | 9 | 20 | |
| Jumlah | | 100 | |

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak



1249/2 © 2008 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor

## Bahagian A

[ 40 markah ]

*Jawab* **semua** *soalan*

1. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah bermula sekitar abad ke-13 dan ke-14. Pengaruh Islam lebih ketara sewaktu zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.

(a) Nyatakan ***dua*** pengaruh Islam dalam sistem pentadbiran di Tanah Melayu.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(b) Berikan ***dua*** pengaruh Islam dalam Adat Temenggung.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(c) Senaraikan ***dua*** jenis mata wang yang digunakan oleh negeri-negeri Melayu sejak abad ke-16.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(d) Jelaskan ***dua*** nilai Islam yang diamalkan dalam aspek perdagangan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah unsur-unsur Islam mampu membawa negara ke arah kegemilangan?

i) ..........................................................................................................

ii) ..........................................................................................................

[2 markah]


2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

| Zaman Gelap | ⇨ | Renaissance | ⇨ | Penjelajahan<br>Reformation |
|---|---|---|---|---|

2. Eropah telah beralih dari zaman gelap ke zaman Renaissance pada kurun ke-14. Zaman Renaissance menjadi pencetus kepada kegemilangan masyarakat Eropah.

(a) Apakah maksud Zaman Gelap ?

..........................................................................................

[1 markah]

(b) Senaraikan ***dua*** golongan atasan dalam hierarki masyarakat feudal di Eropah.

i) ..........................................................................................

ii) ..........................................................................................

[1 markah]

(c) Nyatakan tukaran yang perlu diberi oleh petani sebagai balasan terhadap perlindungan tuan tanah ketika Zaman Gelap.

i) ..........................................................................................

ii) ..........................................................................................

[2 markah]

(d) Jelaskan ***tiga*** kesan Zaman Renaissance.

i) ..........................................................................................

ii) ..........................................................................................

iii) ..........................................................................................

[3 markah]

(e) Jelaskan iktibar yang dapat anda pelajari daripada aktiviti penjelajahan dan penerokaan.

i) ..........................................................................................

ii) ..........................................................................................

iii) ..........................................................................................

[3 markah]

[Lihat sebelah

 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

3. Kemunculan persatuan negeri serta Persatuan Sahabat Pena telah menyebabkan kegiatan nasionalisme di Tanah Melayu menjadi lebih teratur dan mempunyai objektif yang jelas.

a) Mengapakah Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) mendapat sambutan hangat penduduk Tanah Melayu pada tahun 1930-an?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[ 2 markah]

b) Senaraikan ***dua*** Persatuan Negeri yang ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

c) Nyatakan ***dua*** tujuan penubuhan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

d) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah kegiatan berpersatuan tidak menonjol di Sabah?

..........................................................................................................

[1 markah]

e) Pada pendapat anda, mengapakah kegiatan berpersatuan penting untuk membela kepentingan semua rakyat di negara kita?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

(iii) ..........................................................................................................

[3 markah]

 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

4. Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. British bersetuju berunding dengan UMNO dan Raja-raja Melayu dalam penubuhan Persaekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Mengapakah British bersetuju berunding dengan UMNO dan Raja-Raja Melayu?

i) ..........................................................................................................

ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(b) Apakah fungsi Jawatankuasa Eksekutif (Jawatankuasa Kerja) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?

..........................................................................................................

[1 markah]

(c) Senaraikan tuntutan orang Melayu dalam mesyuarat penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu di King's House, Kuala Lumpur.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(d) Nyatakan **dua** ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah]

(e) Mengapakah perlu wujudnya kerjasama antara raja-raja dan pemimpin pada hari ini ?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[3 markah]

[Lihat sebelah


2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

## Bahagian B

[60 markah]

*Jawab* **tiga** *soalan sahaja*

5. Tamadun awal Asia Tenggara berkembang secara beransur-ansur dari aspek ekonomi, sosial dan politik.

(a) Terangkan kegiatan ekonomi kerajaan agraria di Asia Tenggara.

[8 markah]

(b) Apakah kepentingan bahasa Sanskrit kepada masyarakat awal Asia Tenggara?

[6 markah]

(c ) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah pencapaian masyarakat awal Asia Tenggara yang menjadi kebanggaan kepada masyarakat hari ini?

[6 markah]

6. (a) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Umaiyah dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran.

[8 markah]

(b) Huraikan peranan Kota Baghdad sebagai pusat kegiatan intelektual dan penyebaran ilmu pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah..

[6 markah]

(c) Sebagai rakyat Malaysia, apakah peranan anda bagi membentuk budaya keilmuan dan intelektual yang tinggi di negara kita?

[6 markah]

 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor 

7. Kedatangan British ke Tanah Melayu telah mengubah sistem politik tradisional Melayu dengan membentuk gabungan yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

a) Bagaimanakah sistem pentadbiran British dijalankan di ketiga-tiga gabungan negeri tersebut?

[8 markah ]

b) Terangkan peranan raja dan pembesar selepas sistem birokrasi Barat diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu.

[8 markah]

c) Sebagai seorang warganegara Malaysia, apakah peranan anda untuk mengukuhkan institusi pemerintahan negara?

[4 markah]

8. (a) Terangkan usaha-usaha mengadakan pakatan murni dalam kalangan penduduk di Persekutuan Tanah Melayu sebelum penubuhan Parti Perikatan.

[8 Markah]

(b) Nyatakan sebab Parti Perikatan diterima semua kaum di Tanah Melayu dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

[6 markah]

(c) Kemerdekaan Tanah Melayu 1957 adalah hasil kebijaksanaan pemimpin negara. Pada pandangan anda , apakah pendekatan terbaik dalam memastikan kemerdekaan yang kita nikmati akan terus terpelihara?

[6 markah]

[Lihat sebelah


2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Johor

- Tahap Pertama - Tunku Abdul Rahman (1957-1970)
- Tahap Kedua - Tun Abdul Razak (1972-1976) dan Tun Hussein Onn ( 1976-1981)
- Tahap Ketiga - Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)

9. Berdasarkan tiga tahap berkenaan, dasar luar Malaysia berubah daripada dasar pro-Barat kepada dasar berbaik-baik dengan semua negara.

(a) Mengapakah berlaku perubahan dasar luar pada tahap kedua.

[8 markah]

(b) Apakah perkara yang ditekankan dalam dasar luar Malaysia pada tahap ketiga?

[6 markah]

(c) Era gobalisasi memperlihatkan hubungan antarabangsa menjadi lebih giat dan penuh cabaran.

Sebagai seorang pelajar, apakah usaha yang perlu anda lakukan supaya Malaysia terus bersaing dari segi ekonomi dan sosial di peringkat dunia ?

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

 2009 Hak Cipta Jabatan Pelajaran [illegible] 

SULIT

# JABATAN PELAJARAN
# NEGERI JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009** **1249/2**
**SEJARAH**
**Kertas 2**
**September**

---

## SEJARAH

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

> **AMARAN**
>
> Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 21 halaman bercetak

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 1(a) | **Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah bermula sekitar abad ke-13 dan ke-14. Pengaruh Islam lebih ketara sewaktu zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.** | |
| | **Nyatakan dua pengaruh Islam dalam sistem pentadbiran di Tanah Melayu** | |
| | F1 Pengubahsuaian sistem beraja | 1 |
| | F2 Institusi kesultanan diperkenalkan | 1 |
| | F3 Istilah raja diketepikan | 1 |
| | F4 Gelaran Sultan digunakan | 1 |
| | F5 Raja menggunakan gelaran khalifatul mukminin / pemimpin orang mukmin | 1 |
| | F6 Gelaran Zilullah fil ' Alam / Zillullah fil-ardh / Bayangan Allah di dalam alam / muka bumi juga digunakan | 1 |
| | F7 Sultan sebagai ketua Negara | 1 |
| | F8 Mufti menjadi penasihat raja | 1 |
| | F9 Pegawai / petugas / Kadi / Khatib diwujudkan | 1 |
| | F10 Pemerintah mendapat nasihat daripada golongan ulama | 1 |
| | F11 Contoh nama ulama seperti Maulana Abu Bakar | 1 |
| | F12 Sultan mesti menunaikan amanah Allah s.a.w. / memerintah dengan adil | 1 |
| | F13 Menggantikan sistem pemerintahan Hindu / dewa raja | 1 |
| | F14 Nama Islam diterapkan pada nama negeri | 1 |
| | F15 Sultan / raja menggunakan nama Islam / Mansur Shah / Mahmud Shah | 1 |
| | F16 Keturunan Sultan dinasabkan daripada tokoh-tokoh Islam / Iskandar Zulkarnain | 1 |
| | F17 Sultan sebagai kuasa tertinggi | 1 |
| | F18 Konsep daulat diamalkan | 1 |
| | F19 Cap mohor berunsur Islam | 1 |
| | F20 Cap mohor Sultan Muhammad III | 1 |
| | F21 Terdapat unsur kaligrafi pada cap mohor | 1 |
| | F22 Lafaz ikrar sultan menyerupai konsep baiah | 1 |
| | F23 Pembacaan doa menggantikan ciri dalam istiadat pertabalan | 1 |
| | **Mana-mana 2 x 1 m** | **(2m)** |
| **1 (b)** | **Berikan dua bukti pengaruh Islam dalam Adat Temenggung** | |
| | F1 Sistem patrilineal | 1 |
| | F2 Mementingkan jurai keterunan lelaki | 1 |
| | F3 Jurai keturunan bapa lebih diutamakan daripada jurai keturunan ibu | |
| | F4 Pembahagian harta pusaka ikut hukum faraid | 1 |
| | F5 Anak lelaki diutamakan daripada anak perempuan | 1 |
| | F6 Individu bebas mendirikan rumahtangga dengan pasangan / sepupu | 1 |
| | F7 Selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam | 1 |
| | F8 Disesuaikan dengan Mazhab Shafie | 1 |
| | **Mana-mana 2 x 1 m** | **(2m)** |

| | | |
|---|---|---|
| 1 (c) | **Namakan dua jenis mata wang yang yang digunakan oleh negeri-negeri Melayu sejak abad ke 16.** | |
| | F1 Mata wang timah | 1 |
| | F2 Wang katun | 1 |
| | F3 Wang emas | 1 |
| | F4 Mata wang Kijang | 1 |
| | F5 Mata wang kupang | 1 |
| | **Mana-mana 2 x 1 m** | **(2m)** |

| | | |
|---|---|---|
| 1 (d) | **Senaraikan dua nilai Islam yang diamalkan dalam aspek perniagaan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka** | |
| | F1 Orang Melayu aktif dalam perdagangan | 1 |
| | F2 Menghayati bahawa perdagangan merupakan sumber rezeki yang besar | 1 |
| | F3 Menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan yang penting | 1 |
| | F4 Semangat pedagang Melayu diteruskan walaupun selepas kejatuhan Melaka | 1 |
| | F5 Riba tidak dibenarkan dalam perniagaan | 1 |
| | F6 Golongan berkemampuan diwajibkan membayar zakat harta | 1 |
| | F7 Mengamalkan nilai murni dalam perniagaan | 1 |
| | F8 Mencari rezeki yang halal | 1 |
| | F9 Tiada penindasan | 1 |
| | F10 Berjimat | 1 |
| | F11 Rajin bekerja | 1 |
| | F12 Dilarang mengemis | 1 |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | **Mana-mana 2 x 1m** | **(2m)** |
| 1 (e) | **Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah unsur-unsur Islam mampu membawa negara ke arah kemajuan ?** | |
| | F1 Mementingkan perpaduan | 1 |
| | F2 Memartabatkan ilmu pengetahuan / intelektual Islam | 1 |
| | F3 Bersikap prihatin terhadap ilmu pengetahuan | 1 |
| | F4 Menyediakan kemudahan / prasarana pendidikan / institusi pengajian / perpustakaan | 1 |
| | F5 Menekankan kompromi / toleransi antara kaum | 1 |
| | F6 Tiada paksaan / kebebasan beragama kepada rakyat | 1 |
| | F7 Keupayaan menguasai ekonomi | 1 |
| | F8 Keupayaan menguasai politik | 1 |
| | F9 Mengutamakan nilai-nilai Islam dalam kehidupan | 1 |
| | F10 Mentaati pemerintah | 1 |
| | F11 Mementingkan keamanan / mengelak konflik / peperangan | 1 |
| | F13 Mengamalkan sikap terbuka / tidak prejudis | 1 |
| | F14 Kerjasama semua golongan masyarakat | 1 |
| | F15 Menghayati semangat nasionalisme | 1 |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | 1 |
| | **Mana-mana 2 x 1 m** | **(2m)** |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
